

21. Namakan miqat-miqat makani berikut.



22. Zidane datang untuk mengerjakan haji dari Perancis. Dimanakah dia patut berniat ihram? (يلملم / ذات عرق / جحفة)

23. Kerana jalan sesak, Reza 11AL sampai di Muzdalifah selepas masuk waktu Subuh. (kena dam / tiada dam)

24. Kerana unta yang ditunggangnya terlampau laju, Zakwan sampai di Mina pada jam 11 malam setelah bertolak dari Arafah selepas Maghrib. (kena dam / tiada dam)

25. Setelah sampai di Mina, Zakwan terus pergi melontar syaitan di Jamratul 'Aqabah padahal jam baru pukul 11.30 malam. (sah / tidak sah lontaran)

43.26. Kerana batunya tercicir, Hadif melontar di Jamratul 'Aqabah dengan menggunakan 7 belah selipar yang dijumpainya. (sah / tidak sah lontaran)

27. Kerana boring ketika wuquf, Hidayat telah menggigit semua kuku tangan dan kakinya yang panjang dengan niat merapikan kukunya. (kena dam / tak kena dam)

28. Kerana terlampau lapar, Jamsyir telah menyembelih seekor ayam yang dijumpainya ketika wuquf di Arafah lalu dipanggangnya. (kena dam / tidak kena dam)


29. Rahwani suka menghabiskan masanya dalam kedai minyak wangi kerana suka menghidu bau-bauan yang wangi sedangkan dia masih dalam ihram penuh.

(kena dam / tidak kena dam)

30. Waqar membiarkan nyamuk menghisap darahnya ketika dalam ihram.

(boleh bunuh / tak boleh bunuh)

31. Susun perkara-perkara rukun dan wajib haji berikut:



Tertib pada kebanyakan rukun-rukun di atas

Meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan semasa berihram

Melontar Ketiga-tiga Jamrah

- Jamratul Ula
- Jamratul Wustha
- Jamratul 'Aqabah

Thawaf mengelilingi Baitullah sebanyak tujuh (7) kali

Bermalam di Muzdalifah pada 10 Zulhijjah

Wuquf di Padang 'Arafah

Beriat ihram

Bermalam di Mina

Sa'i berulang-alik dari Bukit Shafa ke Bukit Marwah sebanyak tujuh (7) kali

Bercukur atau bergunting rambut

Melontar Jamratul 'Aqabah di Mina pada 10 Zulhijjah

Beriat ihram haji di Miqat